

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' MANSOR OTHMAN [NIBONG TEBAL]**

**TARIKH : 16 JULAI 2019**

**SOALAN**

**DATO' MANSOR OTHMAN [NIBONG TEBAL]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pengoperasian terkini JKP (Jawatankuasa Pemandu Pulau Pinang) dan senaraikan projek-projek serta program-program pembangunan Bumiputera Pulau Pinang semenjak Kerajaan PH mengambil alih pemerintahan negara.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK  
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Pemandu Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang yang ditubuhkan pada 23 Jun 1977 telah dijenamakan semula sebagai Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang pada 31 Januari 2009.

Selepas Pilihanraya Umum ke-14, Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang selaku Urus Setia kepada Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang telah mengkaji semula mekanisme jentera pelaksanaan program/projek pembangunan Bumiputera di Pulau Pinang.

Hasilnya, Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang yang terletak di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri telah mengesyorkan supaya jentera dan mekanisme Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang dikekalkan.

## SOALAN NO. 48

Sehubungan dengan itu, YAB Perdana Menteri telah bersetuju untuk melantik YB Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin bin Abd Rahman, Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang sebagai Pengerusi Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang yang baharu berkuat kuasa 15 Oktober 2018. Bagi membantu Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang melaksanakan fungsi dan tugasnya, satu Jawatankuasa Kerja turut diwujudkan yang digelar sebagai Jawatankuasa Kerja Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang.

Bagi tahun 2019, Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang telah diluluskan peruntukan sebanyak RM20 juta oleh Jabatan Perdana Menteri bagi Program Pembangunan Hartanah Bumiputera Pulau Pinang yang meliputi projek-projek Pembangunan Rumah Mampu Milik, program pembangunan *land bank* sedia ada dengan projek perumahan mampu milik dan perolehan tanah untuk tujuan *land bank* bagi pembangunan rumah mampu milik pada masa hadapan.

Selain itu, sebanyak RM5.5 juta telah disediakan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi pada tahun 2019 bagi Program Peningkatan Kapasiti dan Kapabiliti Kumpulan Khusus yang meliputi tiga program utama iaitu Program Didik Cemerlang Akademik, Program Peningkatan Kemahiran dan Program Pembangunan Usahawan.

Sekian, terima kasih.